

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JULY 2016

Gagal soal balas Najib

Oleh **NORAZLITA MOHD. SIES**

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 JULAI

TUN Dr. Mahathir Mohamad dan dua lagi, hari ini gagal dalam permohonan mereka untuk menyoal balas Datuk Seri Najib Tun Razak berhubung affidavit yang diikrarkan oleh Perdana Menteri dalam satu kes saman terhadap beliau apabila Mahkamah Tinggi di sini menolak permohonan tersebut.

Hakim Abu Bakar Jais memutuskan demikian atas alasan isu itu boleh dikemukakan semasa mahkamah mendengar permohonan Najib untuk membatalkan saman yang difailkan oleh Dr. Ma-

hathir, bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dan bekas ahli UMNO Langkawi, Anina Saadudin.

Pada 23 Mac lalu, Dr. Mahathir, 90, Khairuddin, 54, dan Anina, 41, selaku pihak plaintif mengemukakan saman itu untuk menuntut perisytiharan bahawa Najib melakukan perbuatan salah laku dalam jawatan awam selaku Perdana Menteri, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan Presiden UMNO dengan mengganggu siasatan dewan salah laku kewangan.

Ia berhubung isu 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dan syarikat berkaitan serta siasatan aliran masuk RM2.6 bilion dan RM42 juta daripada SRC International ke

dalam akaun peribadinya.

Hakim itu dalam penghakiman bertulis menyatakan, pada peringkat permohonan interlocutori (permohonan sampingan), mahkamah perlu diingatkan untuk tidak mendengar merit dalam kes saman tersebut.

Menurut Hakim Abu Bakar, beliau juga perlu membatalkan diri daripada mendengar dan menghakimi merit permohonan Najib untuk membatalkan saman pihak plaintif.

Pada tahap ini juga, ujar beliau, mahkamah tidak bersetuju dengan cadangan oleh pihak plaintif bahawa tujuan untuk mereka mahu memeriksa balas pihak defendan berhubung affidavit sokongan yang didakwa

sebagai tidak mencukupi untuk mahkamah memutuskan sama ada Najib adalah penjawat awam ataupun pegawai awam.

Persoalan undang-undang tersebut menurut beliau, boleh ditentukan kemudian selepas mahkamah mendengar permohonan pihak defendan untuk membatalkan saman bagi mengelakkan risiko pengulangan.

Hakim Abu Bakar menetapkan 4 Ogos ini bagi pengurusan kes untuk peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mewakili Dr. Mahathir, Anina dan Khairuddin memaklumkan sama ada pihak mereka mahu mengemukakan rayuan berhubung keputusan tersebut.

Najib diwakili oleh peguam Datuk Mohd. Hafarizam Harun.

Um - 28/7/2016



NAJIB TUN RAZAK memberikan kata-kata semangat kepada Lee Chong Wei (tiga dari kiri) dan sebahagian daripada 32 atlet Malaysia yang akan bertanding dalam Sukan Olimpik di Rio de Janeiro dalam satu pertemuan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin (kanan). - UTUSAN/RASHID MAHFOF